

# Hubungan Malaysia-

22 NOV 1999

31/32

Oleh PROF. KONG YUANZHI

**D**UA puluh lima tahun yang lalu, 31 Mei 1974, Perdana Menteri Malaysia, Tun Abdul Razak berkunjung ke Beijing dan beliau diberi sambutan hangat oleh Zhou Enlai, Perdana Menteri Republik Rakyat China ketika itu.

Berkat dorongan kedua-dua pemimpin negara tersebut dimulakanlah secara rasmi hubungan diplomatik China-Malaysia. Sekurang-kurangnya terdapat empat ciri yang nyata apabila kita meninjau kembali hubungan kedua-dua bangsa selama lebih daripada 2,000 tahun.

## Sejarah Panjang

Menurut catatan 'Han Shu (Buku Dinasti Han)' (Edisi: 28), karya Ban Gu (32-92) pada abad pertama sudah terdapat jalur maritim antara China dengan India manakala Semenanjung Tanah Melayu dan Selat Melaka merupakan tempat persinggahan bagi mereka menempuh jalur maritim tersebut.

Penemuan arkeologi yang berupa banyak seramik dinasti Qin (221 Sebelum Masehi (SM) - 206 SM) dan dinasti Han (206 SM-220 M) China di lembah Sungai Johor merupakan suatu bukti yang membenarkan bahawa sudah ada hubungan dagang antara China dengan Malaysia sekitar abad pertama.

K.G.Tregonning dalam bukunya *Malaysian Historical Sources* (Singapore, 1965, m2) dan *The Encyclopedia Americana* (Edisi:8, 1963, m.164) pun menunjukkan bahawa Semenanjung Tanah Melayu merupakan suatu *relay station* bagi usaha perdagangan China-India masa itu.

Pada awal abad ke-3, empayar Wu (222-280) di China telah mengirimi Shun Quan dan Zhu Ying sebagai utusan muhibah ke puluhan empayar dan kawasan di Asia Tenggara, antara lain ke Tantalum, Pu Luo Zhong dan Wu Wen yang terletak di sekitar Kelantan, Johor dan sebagainya di Semenanjung Tanah Melayu. Selama abad ke-5 dan abad ke-7, ada utusan empayar-empayar Dan Dan, Ban Ban dan Langkasuka yang terletak di Kelantan, Kedah, Perlis, Perak dan sebagainya telah melawat ke China. Pada awal abad ke-7 maharaja China dinasti Sui mengirimi Chang Jun dan Wang Jun Zheng sebagai utusan persahabatan ke empayar Chi Tu (yang terletak di bahagian timur laut Semenanjung Tanah Melayu). Mereka disambut oleh 30 kapal Chi Tu ketika tiba di sempadan empayar itu.

## Kunjungan

Ketika Chang Jun bersedia kembali, Maharaja Chi Tu mengutus putera mahkotanya turut ke China untuk mengadakan kunjungan balasan. Sang putera mahkota mendapat sambutan meriah pula di China. Hubungan muhibah kedua bangsa kita berkembang terus.

Kunjungan Zheng He (Cheng Ho) ke Melaka pada abad ke-15 merupakan suatu lembaran sejarah gemilang antara empayar Melaka dengan dinasti Ming. Hubungan itu dirosakkan akibat pencerobohan penjajah-penjajah Barat ke Semenanjung Tanah Melayu sejak akhir abad ke-15. Namun hubungan persahabatan antara kedua bangsa tidak pernah putus. Selepas terjadinya hubungan diplomatik China-Malaysia pada tahun 1974, kerjasama antara kedua bangsa dan negara kita telah mencapai banyak hasil yang menggembirakan.

## Sokong-menyokong

Pada awal abad ke-15, Melaka terpaksa mempersempahkan 40 tabil emas kepada Siam. Kalau tidak, Melaka akan mengalami agresi Siam. Ketika utusan China Yi Qing berkunjung ke Melaka pada tahun 1403, Melaka berharap agar China dapat membantu empayarnya bebas daripada ancaman Siam.

Siam menjadi amat marah mendengar khabar itu. Maka dikirimkanlah tenteranya ke Melaka dan berhasil merebut stempel empayarnya sehingga orang Melaka berada dalam kepantikan. Untuk mendukung Melaka dalam membela kedaulatannya, di satu pihak, Maharaja Ming telah menitahkan kepada Siam agar mengembalikannya stempel empayar kepada Melaka; di lain pihak diutuskannya Zheng He ke Siam untuk menentang persengketaan antara Siam-Melaka.

Setelah penyelesaian, Siam mengirimi utusannya ke China untuk mengaku salah. Inilah latar belakang bagi kunjungan Zheng He ke Melaka selama pelavaran ke-3 (1409-1411)

mengaku status kenegaraan Melaka agar kedaulatannya tidak diganggu-gugat oleh negara lain.

Peristiwa itu penting dalam sejarah Malaysia sehingga kini terdapat suatu gambar besar tentang kunjungan muhibah Zheng He ke Melaka (1409) di tembok luar Muzium Negara Kuala Lumpur. Selama ini, kedua-dua bangsa telah berhasil mengembangkan tradisi sokong-menyokong dalam membela kedaulatan masing-masing.

Misalnya pada Majlis Perhubungan Bangsa-Bangsa Bersatu tahun 1971 wakil Malaysia telah memberi suara untuk mendukung pemuliharaan hak China sebagai anggota

organisasi antarabangsa itu. Kerajaan Malaysia berpendirian bahawa hanya ada satu China, iaitu Republik Rakyat China (RRC) manakala Taiwan adalah sebahagian dari wilayah China. China mengambil kebijaksanaan untuk tidak mendevaluasikan mata wangnya, antara lain buat mendukung pemuliharaan ekonomi sebahagian negara (termasuk Malaysia) yang terhimpit kegawatan ekonomi sejak tahun 1997.

Dalam membantah 'ancaman China', Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mengatakan bahawa di dunia ini memang ada ancaman, tapi ancaman itu bukan dari China, melainkan dari negara-negara Barat yang kuat. (*The International Chinese Newsweekly Asian Weeks*, 10-16 Mac 1999, p.25). Ditegaskan pula oleh beliau bahawa China tidak bercita-cita menceroboh dan China cinta damai.

Di samping itu, kedua-dua negara juga berpendirian sama dalam menentang dasar sebahagian negara Barat yang mengambil masalah seperti 'hak asasi manusia' sebagai dalih untuk mencampuri urusan dalam negara lain.

Dalam hal ini 'seramik' merupakan suatu contoh yang baik. Menurut Dong Xi Yang Kao (Studi Mengenai Samudera Timur & Samudera Barat) yang ditulis oleh Zhang Xie (1574-1640) dinasti Ming, bahawa pada masa itu penduduk di Kelantan tidak memakai seramik melainkan anyaman buluh atau daun sebagai alat penampung makanan, manakala di rumah penduduk Johor tersedia piring seramik. Apa sebabnya terdapat perbezaan tersebut? Ini kerana pada dinasti Ming sudah ada banyak seramik yang diekspor dari China ke Johor. Salah satu buktinya ialah, pada tahun 1954 diperoleh 33 buah seramik China yang berhasil terdapat daripada kawasan tanah di Johor, antara lain seramik hasil Jingdezhen Propinsi Jiangxi, China.

Namun peningkatan mutu seramik Jingdezhen yang terkenal itu tidak terpisahkan daripada semacam bahan seramik yang bernama *boqing* (dalam ejaan bahasa China) yang justeru diimport dari bagian utara pulau Kalimantan (termasuk kawasan Sarawak dan Sabah kini). Bahan itu sangat penting untuk membuat seramik yang berwarna biru dan putih di Jingdezhen. Dengan kata lain, rakyat Malaysia telah membantu China untuk meningkatkan mutu seramiknya.

Dalam hal ramuan tradisional pun terdapat hubungan isi-mengisi antara kedua bangsa kita. Pada dinasti Ming sudah ada banyak ramuan yang diimport dari Melaka, Johor dan Pahang ke China, antara lain cula (tanduk badak), penyuk sisik, kemenyan Arab, kayu gaharu, mur, pinang dan sebagainya. Kata 'pinang' sudah muncul dalam buku kuno dinasti Tang abad ke-7. Pinang yang sangat mungkin berasal dari Semenanjung Tanah Melayu dan Kepulauan Nusantara itu tersebar ke China pada 1300 tahun yang lalu. Di lain pihak terdapat 456 jenis ramuan tradisional China di Malaysia, demikian menurut statistik sarjana. Dan di Malaysia kini sudah terdapat perpaduan pemakaian antara ramuan tradisional China dan ramuan tradisional tempatan untuk mengubati orang sakit.

# China

ng dengan laju. Sampai bulan Jun 1999 nilai total perdagangan China-Malaysia telah mencapai 15 bilion ringgit (di antaranya nilai eksport Malaysia ke China lebih besar daripada nilai eksport China ke Malaysia), manakala perniagaan kedua negara kita hanya 1 bilion ringgit pada tahun 1989. Ini bererti 15 kali ganda penambahannya.

Yang sangat mengembirakan pula bahawa kerjasama kedua negara kita sudah berkembang ke berbagai bidang. Sejak tahun 1985, antara China dan Malaysia telah ditandatangani 10 persetujuan atau MOU yang merangkumi ekonomi, pendidikan, teknologi sains, sukan dan sebagainya.

## **Mengutamakan perdamaian dan persahabatan**

Dalam hubungan persahabatan kedua-dua bangsa kita terdapat banyak peristiwa yang mengharukan. Di antara lain, pada bulan ke-6 tahun 1411, Maharaja Melaka Parameswara bersama permaisuri, putera dan pengiring-pengiringnya yang berjumlah lebih dari 540 orang berkunjung ke China. Ini merupakan suatu rombongan asing yang terbesar yang melawat China pada dinasti Ming. Maharaja Ming memerlukan mengirim beberapa pejabat tras untuk menjamu tamu-tamu Melaka di sempadan China. Sejak tamu-tamu agung ini tiba di ibu negara China, Maharaja Ming telah berkali-kali mengadakan jamuan besar untuk menyambut mereka. Satu setengah bulan kemudian, Mahārāja Parameswara memohon diri untuk kembali ke Melaka. Dalam jamuan perpisahan, Maharaja Ming menyatakan dengan rasa persaudaraan:

## **Pertemuan**

“Berkat lindungan Tuhan, baginda berhasil sampai di ibu negara China dengan mengharungi samudera yang luas. Pertemuan itu sangat mengembirakan. Kami berusaha agar baginda lebih lama bertamu di China. Namun, mahu tidak mahu kami terpaksa melepaskan baginda mengingat bahawa Baginda sedang dinanti-nantikan oleh segenap rakyat Melaka. Kini hawa mulai sejuk dan kebetulan terdapat angin monson yang menguntungkan pelayaran ke sebelah selatan. Kami mengucapkan selamat jalan,” kata Maharaja Ming.

Selepas itu Maharaja Ming menghadiahkan Maharaja Melaka berbagai cenderamata yang bernilai, antara lain pita emas yang bertatahkan giok, tongkat kebesaran, kuda yang berpelana bagus, emas, perak dan pelbagai sutera dewangga.

Contoh kedua ialah sambutan rakyat Malaysia terhadap utusan dinasti Ming, Zheng He yang berjolokan Sam Po. Di Melaka terdapat Bukit Sam Po, Perigi Sam Po dan Tokong Sam Po. Di Terengganu, Pulau Pinang dan Sarawak masing-masing terdapat Tokong Zheng He di samping legenda indah mengenai lawatan Zheng He ke kawasan-kawasan itu. Sebagai perbandingan, Zheng He mendapat penghargaan tinggi manakala kaum penjajah Barat dikecam oleh rakyat Melaka sebagai binatang buas yang setaraf buaya dan harimau. Demikian menurut catatan Zheng Xie dalam bukunya sekitar 400 tahun yang lalu.

Sebagaimana yang dikatakan oleh Perdana Menteri, Zhu Rongji, “Selama 25 tahun ini China dan Malaysia mentaati teguh pernyataan bersama mengenai terjalannya hubungan diplomatik kedua-dua negara dan Lima Prinsip Kewujudan bersama Secara Damai, bersikap tulus ikhlas dan bersahabat antara satu sama lain. Kerjasama antara kedua-dua negara di pelbagai bidang telah memperoleh hasil yang memuaskan.

Kini persahabatan dan kerjasama China-Malaysia bukan hanya menguntungkan rakyat kedua-dua negara, tetapi juga telah memberikan sumbangsih yang penting kepada usaha perdamaian, kestabilan dan perkembangan di rantau ini.”

Demikian kata Zhu Rongji, Perdana Menteri China dalam jamuan negara untuk menyambut kunjungan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, ke Beijing pada Ogos 1999.

Daripada huraian tersebut, ternyata persahabatan rakyat China-Malaysia bersejarah panjang dan berkembang terus. Semoga persaudaraan kedua-dua bangsa ini kekal abadi.

● **PROF KONG YUANZHI, Guru Besar Universiti Peking, kini Profesor Pelawat, Jabatan Pengajian Asia Timur, Universiti Malaya).**